



INSTITUT PENDIDIKAN BERTERUSAN DAN PENGAJIAN PROFESIONAL (iCEPS) UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan **kontrak** (Tabung Amanah) di Institut Pendidikan Berterusan dan Pengajian Profesional (iCEPS), Universiti Teknologi MARA Shah Alam.

i. JAWATAN

Bil.	Jawatan	Gred	Status Jawatan	Skim Perkhidmatan	Gaji Permulaan	Cawangan	Tempoh Lantikan
1	Juruteknik Komputer	FT1	Kontrak (Tabung Amanah iCEPS)	Juruteknik Komputer	RM1,500.00	iCEPS Shah Alam	1 tahun (Penyambungan kontrak berdasarkan prestasi)

ii. SYARAT-SYARAT PELANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Terdiri daripada Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan
- c) Syarat kelayakan
 - i) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred FT1: RM1,500.00); atau
 - ii) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred FT1: RM1,561.00); atau
 - iii) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred FT1: RM1,622.00).

iii. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

iv. DESKRIPSI TUGAS

1. Menyelenggara perkakasan dan aplikasi komputer termasuk pemasangan, format, kemas kini sistem operasi, pemasangan perisian, dan konfigurasi peralatan seperti PC, pencetak, internet, dan storan rangkaian (*network storage/Synology*).
2. Menyelenggara makmal komputer dengan memastikan setiap peranti berfungsi dan sistem dikemaskini.
3. Mengurus proses pinjaman dan pemulangan peralatan ICT, termasuk penerimaan, pengesahan, dan penyerahan peralatan.
4. Memantau pemasangan dan inventori PC sewaan termasuk semakan selepas pemasangan.
5. Mengurus sistem pintu akses termasuk kawalan masa bekerja/kuliah, kemas kini maklumat pengguna, dan pengaktifan/nyahaktif kad akses.
6. Membantu dalam semakan dan rekod inventori perkakasan, perisian, dan data pengguna.

v. PERHATIAN KEPADA PEMOHON

- a. Permohonan dari pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-badan Berkanun hendaklah melalui Ketua Jabatan.
- b. Setiap permohonan **MESTILAH** disertakan dengan salinan sijil-sijil yang **DISAHKAN** benar.
 - i. Salinan Kad Pengenalan
 - ii. Salinan Sijil Kelahiran
 - iii. Salinan Sijil Berhenti Sekolah/SPM/ SPMV/ MCE/ Diploma/ Ijazah Sarjana Muda atau setaraf
 - iv. Surat pengesahan tempoh pekerjaan dari majikan (jika ada) untuk mengambil kira pengalaman kerja/ penetapan gaji
 - v. Dokumen berkaitan yang boleh menyokong permohonan jawatan yang berkenaan
- c. Pemohon hendaklah menyatakan **jawatan dan cawangan** yang dimohon di sebelah kiri atas sampul surat borang permohonan.
- d. Hanya permohonan yang berjaya disenarai pendek akan dipanggil untuk temu duga.

Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **tiga (3)** bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

vii. **PERMOHONAN**

Permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi Borang Perjawatan Institut Pendidikan Berterusan dan Pengajian Profesional (iCEPS), Universiti Teknologi MARA yang boleh dimuat turun di laman sesawang <https://iceps.uitm.edu.my> atau boleh didapati di Kaunter Khidmat Pelanggan, Institut Pendidikan Berterusan dan Pengajian Profesional (iCEPS).

Tarikh tutup permohonan pada: **15 JULAI 2025**

Sila kemukakan permohonan kepada:-

PENGURUS

BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA

INSTITUT PENDIDIKAN BERTERUSAN DAN PENGAJIAN PROFESIONAL (iCEPS)

ARAS 1, UITM - MTDC TECHNOPRENEUR CENTRE

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

40450 SHAH ALAM

SELANGOR

No.Tel: 03-5544 4913/ 4960/ 4998

Bil.Rujukan:500-iCEPS (19/2)

Bil. Iklan:6/2025

Tarikh: 30/6/2025